

Pengusaha kafe UiTM diberi dua pilihan

Patuhi harga siling RM3.50 jika mahu moratorium sewa 6 bulan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Pengusaha kafe di Universiti Teknologi MARA (UiTM) diberi dua pilihan sama ada mahu menikmati moratorium sewaan premis selama enam bulan atau sebaliknya.

Bagaimanapun, pengusaha kafe dan kedai makanan yang mahu menikmati kemudahan moratorium itu disyaratkan mematuhi kadar siling RM3.50 bagi setiap hidangan berkualiti yang dijual kepada mahasiswa.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Roziah Mohd Janor, berkata pengusaha juga diberi kelonggaran untuk menjual hidangan mengikut kadar maksimum ditetap-

kan UiTM, namun tidak akan berpeluang menikmati moratorium seperti ditetapkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), baru-baru ini.

Beliau juga mengakui UiTM ketika ini masih mencari mekanisme bersesuaian bagi pemberian moratorium, selain menjelaskan belum menawarkan kemudahan itu kepada mana-mana pengusaha kafe dan kedai makan yang beroperasi di 35 cawangannya di seluruh negara.

Selain itu, katanya, Timbalan Naib Canselor UiTM sudah diarah mengadakan pertemuan dengan pengusaha kafe dan kedai makan di 34 cawangannya bagi membincangkan pilihan itu, minggu depan supaya satu keputusan dibuat berhubung perkarai itu.

"Pelaksanaan (moratorium) boleh berlaku dengan syarat dia (pengusaha) patuh kadar siling RM3.50. Jika tak bagi (hidangan dijual melebihi RM3.50), kita tak boleh berikan moratorium."

"Dalam tempoh ini (moratorium) kita terpaksa 'bersakit' untuk tidak kutip sewa dengan sya-

rat dia patuh kepada penetapan kadar siling ditetapkan itu demi membantu meringankan beban pelajar," katanya kepada **BH**, semalam.

BH kelmarin melaporkan, inisiatif penetapan kadar siling RM3.50 bagi satu hidangan berkualiti di kedai makan atau kafe di kampus universiti dilihat belum dilaksanakan sejak ia diumumkan Isnin lalu.

Pengusaha kafe dan kedai makan dalam kampus mendakwa inisiatif itu mustahil dilaksanakan, selain berdepan risiko rugi dalam margin yang besar.

Roziah turut mengakui UiTM belum memperkenal menu hidangan berkualiti RM3.50, selain sudah mengarahkan Jawatan Kuasa Pemantauan Makanan meliti perkara itu.

Namun, katanya, UiTM melaui Jawatankuasa Tetap Kewangan sebelum ini, sudah menterapkan kadar maksimum antara RM5 hingga RM6.50 bagi setiap

hidangan dijual di 35 cawangan di seluruh negara.

Di **Kuantan**, Naib Canselor **Universiti Malaysia Pahang** (UMP), Prof Datuk Dr Yusserie Zainuddin, berkata pihak kafeteria kampus akan menawarkan Set Makanan Kasih berharga RM3.50 setiap hidangan.

"Cadangan menu akan dimuktamadkan tempoh terdekat, manakala pelaksanaan Set Makanan Kasih UMP membutabit kafeteria terpilih di kedua-dua Kampus UMP di Gambang dan Pekan," katanya.

Timbalan Naib Canselor **Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)**, Prof Dr Muhd Zu Azhan Yahya, pula berbuka puasa pihaknya akan memberikan moratorium sewaan selama enam bulan kepada pengusaha kafeteria.

"Kita mengambil pendekatan membantu pelajar dengan memperkenalkan menu Keluarga Ma-

laysia di semua kafeteria pada harga serendah RM3.50," kata-nya.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, berkata langkah pemberian moratorium enam bulan sewa diharap dapat meringankan beban pelajar apabila pengusaha makanan menjual menu lebih murah.

Beliau berkata, kos yang sepatutnya untuk bayaran sewa boleh digunakan untuk menanggung kos membeli bahan mentah.

"Langkah proaktif itu susulan peningkatan harga barang di negara ini yang turut memberi kesan kepada harga makanan dalam kampus yang menjadi kegusaran utama pelajar ketika ini."

"Jadi moratorium itu diharap membantu mereka menggunakan tanggungan kos sewaan dapat diserapkan untuk menurunkan harga makanan pelajar," katanya kepada **BH**.



Dr Roziah meninjau harga makanan dan beramah mesra bersama pelajar di Kafeteria UiTM, Shah Alam, semalam. (Foto Genes Gultah/BH)